Nama Pelajar : ____________________

Tingkatan : ____________________

# PROGRAM MENGAPAI A+
# KECEMERLANGAN TASAWWUR ISLAM
# SPM 2021

## LATIH TUBI SET 1

## TASAWWUR ISLAM
**Dua Jam Tiga Puluh Minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B
2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **Empat soalan** pada **Bahagian B**
3. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** di ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian B** di kertas jawapan yang anda sediakan sendiri

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | |
|---|---|
| Bahagian | Markah |
| A | |
| B | |
| JUMLAH | |

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

**[ Lihat halaman sebelah**

**Bahagian A**
**[*20 markah*]**
**Jawab semua soalan pada bahagian ini**

**Soalan 1 – 4**
**Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut.**

1. Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT

2. Sesuatu hal yang telah ditentukan oleh Allah SWT yang akan berlaku kepada makhluknya sebelum makhluk itu dijadikan.

3. Golongan umat Islam generasi terdahulu yang hidup dalam kurun pertama sehingga kurun ketiga Hijrah

4. Dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah.

**Soalan 5 – 8**
**Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.**

5. Sistem ekonomi ____________________ ialah sistem ekonomi yang ditentukan oleh manusia dan tidak mempunyai piawai yang mutlak tetapi bersifat anjal dan berubah mengikut ketentuan masyarakat

6. Gharar ialah ketidakpastian dalam sesuatu ________________atau kontrak jual beli sama ada dari segi kualiti, kuantiti, harga, waktu penyerahan dan sebagainya.

7. Kepentingan sistem takaful Islam ialah dapat menyediakan sistem perlindungan yang patuh syariah dalam hal ehwal _________________ Islam

8. Penjualan barangan berasaskan pembayaran tertangguh pada waktu tertentu secara ansuran atau sekali gus mengikut tempoh yang telah ditetapkan merupakan pengertian ______________________

**Soalan 9 hingga soalan 12**
**Lengkapkan** ja**dua**l di bawah dengan jawapan yang **betul.**

**ANATOMI AL-QURAN**

| **Bilangan Surah** | **Bilangan Juzuk** | **Jenis Ayat** |
|---|---|---|
| 9._________________<br>Contohnya<br>10. __________________ | 11.________________<br>Contohnya<br>Juz Amma | **Contoh:**<br>Ayat Makiyyah<br>12.________________ |

**Soalan 13 - 16**
**Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang betul.**
**Tandakan ( ✕ ) pada pernyataan yang salah.**

13. Sistem kehakiman Islam perlu dimartabatkan kerana mampu menyelesaikan permasalahan manusia [ ]

14. Hukuman diat ringan dijatuhkan keatas orang yang membunuh dengan secara tidak sengaja. [ ]

15. Asas sistem perundangan Islam Ialah penerangan, pencegahan dan pembalasan. [ ]

16. Islam melarang umatnya daripada meminum arak adalah untuk memelihara nyawa manusia yang sangat berharga.. [ ]

**Soalan 17 hingga soalan 18**
**Penuhkan jadual dibawah dengan jawapan yang betul**

**Perbezaan antara negara Islam dengan negara bukan Islam.**

| **Negara Islam** | **Negara Bukan Islam** |
|---|---|
| Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi negara | 17. |
| 18. | Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara. |

**Soalan 19 hingga soalan 20**
**Penuhkan rajah dibawah dengan jawapan yang betul**



**BAHAGIAN B**
**(80 Markah)**

**Jawab empat soalan pada bahagian ini**

> **SHAH ALAM - ALLAH SWT menegaskan dalam Islam terdapat** tiga **perkara yang perlu dijaga iaitu akidah, syariat dan akhlak. Penceramah bebas, Dr Nur Mohammad Hadi berkata, maksud menjaga akidah adalah pegangan seseorang manusia iaitu kepercayaan kepada ALLAH SWT yang disebut sebagai Rukun Iman.**
> **Petikan daripada akhbar sinar harian 20 September 2020**

1 (a) (i) Petikan akhbar diatas menjelaskan bahawa umat Islam mesti menjaga akhlak, disamping menjaga syariat dan akhlak.
Apakah yang dimaksudkan dengan akhlak menurut Islam [2 markah ]

> **Haslizawati sering kali merungut apabila di minta membantu ibunya melakukan kerja rumah seperti memasak dan mengemas rumah.**

(ii) Apakah akhlak yang ditunjukkan oleh Haslizawati tersebut ?.
Berikan nasihat anda kepada Halizawati agar beliau dapat berubah kepada berakhlak dengan akhlak yang lebih baik [4 markah ]

(iii) Senaraikan **empat** rukun Iman sebagaimana yang termaktub dalam "Hadis Jibril". [4 markah ]







**Poster 1 : Antara pekerjaan yang mendapat permintaan yang tinggi di Malaysia.**

(b) (i) Jelaskan maksud bekerja menurut Islam [2 markah ]

(ii) Jelaskan **dua** peranan pekerjaan kepada individu muslim [4 markah ]

(iii) Terangkan **dua** cara untuk menggalakkan anak muda agar tidak terlalu memilih pekerjaan [4 markah ]

> **Firman Allah SWT dalam surah al-Tin 95:4 yang bermaksud :" Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. "**

2 (a) (i) Berikan pengertian insan [2 markah ]

(ii) Jelaskan keistimewaan insan berbanding dengan makhluk Allah yang lain [4 markah ]

> **Manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan fitrah kejadiannya yang tersendiri dan manusia wajib memelihara fitrah kejadian tersebut**

(b) Terangkan **dua** kepentingan memelihara fitrah kejadian insan. [4 markah ]



Remaja 16 tahun mengaku terbabit kes ragut

Serkup kepala sebelum pukul

Lelaki dipukul ejen gores menang

**Keratan akhbar diatas menerangkan tentang kejadian jenayah pukul yang sering berlaku dalam masyarakat kita sejak akhir-akhir ini**

(c) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan perbuatan jenayah menurut Islam [2 markah]

(ii) Apakah hukuman yang sepatutnya dijatuhkan keatas orang yang melakukan jenayah seperti dalam keratan akhbar diatas dan bincangkan kebaikan hukuman tersebut dalam membendung jenayah sedemikian daripada berleluasa. [5 markah ]

(iii) Berikan **tiga** contoh kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman takzir dalam undang-undang jenayah Islam [3 markah ]




**Rajah 1: kadar perceraian di Malaysia pada tahun 2017**

3 (a) (i) Berdasarkan rajah 1 diatas jelaskan **dua** punca berlakunya perceraian di Malaysia [4 markah ]

(ii) Jelaskan pendekatan Islam bagi mengurangkan kadar perceraian dalam kalangan pasangan Islam di Malaysia [4 markah ]

(iii) Terangkan **dua** tanggungjawab anak terhadap keluarganya [4 markah ]

> **" Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi dan Dia meninggikan beberapa darjat sebahagian kamu atas sebahagian yang lain ..."**
>
> **(Maksud surah al-An'am 6:165)**

(b) (i) Terangkan maksud khalifah menurut ayat al-Quran diatas [2 markah ]

(ii) Berikan **dua** ciri sistem pemerintahan Islam [2 markah ]

(iii) Jelaskan **dua** tanggungjawab khalifah seperti yang digariskan oleh Islam [4 markah]

> **" Islam ialah agama yang datang daripada Allah SWT untuk seluruh manusia"**

4 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Islam sebagai al-Din. [2 markah ]

(ii) Huraikan **dua** sebab mengapa manusia memerlukan Islam sebagai al-Din [4 markah ]

(iii) Terangkan cara anda merealisasikan Islam sebagai al-Din dalam meningkatkan kualiti ibadat [4 markah ]




(b) (i) Keratan akhbar diatas adalah mengenai perebutan harta dalam kalangan ahli keluarga
Jelaskan maksud harta menurut Islam [1 markah ]

(ii) Pada pandangan anda patutkah berlakunya perbuatan sedemikian ?. [5 markah ]
Berikan **dua** hujjah anda

(iii) Jelaskan cara yang sepatutnya dilakukan agar perkara sedemikian dapat dielakkan. [4 markah ]




**Poster 2 : Hindari bahaya arak**

5 (a) (i) Islam mengharamkan umatnya daripada meminum arak bagi memelihara kewarasan akal. Apakah yang dimaksudkan dengan akal [2 markah ]

(ii) Jelaskan fungsi akal dalam mengenal Allah SWT [6 markah ]

(iii) Nyatakan **dua** peranan wahyu dalam memandu akal manusia [4 markah ]

(b) (i) Berikan **dua** etika hakim dalam menegakkan keadilan [2 markah ]

(ii) Jelaskan **tiga** cara yang patut dilakukan oleh umat Islam dalam mematuhi pelaksanaan kehakiman Islam [6 markah ]

> **Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud " Sesungguhnya Allah SWT itu indah, Dia suka akan segala yang indah."**
>
> **(Hadis riwayat Muslim)**

6 (a) (i) Jelaskan maksud kesenian dalam Islam [2 markah ]

(ii) Bincangkan **dua** etika kesenian yang mesti dipatuhi agar ianya bersesuaian dengan konsep kesenian Islam [4 markah ]

(b) Jelaskan kepentingan adab dan etika berhibur menurut slam [4 markah ]

| Bil | **Negara-negara Islam Dengan Agama Agama** | **% Populasi Itu Muslim** |
|---|---|---|
| 1. | Mauritania | 100 |
| 2. | Maldives | 100 |
| 3. | Afghanistan | 99.8 |
| 4. | Brunei Darussalam | 67 |
| 5. | Malaysia | 61.4 |

**Jadual 1 : Bilangan populasi orang Islam di negara tertentu pada tahun 2017 – Sumber wikipedia**

(c) (i) Jadual 1 diatas menunjukkan populasi orang Islam di beberapa negara Islam. [4 markah ]

Jelaskan empat elemen pembentukan negara Islam

(ii) Bincangkan peranan rakyat dalam memastikan keamanan sesebuah negara. [6 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**